

Icon Offshore tekad kuasai pasaran global OSV

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Selepas tujuh tahun penubuhan, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) berjaya memperlihatkan pencapaian cemerlang melalui peningkatan penguasaan ekuiti Bumiputera serta melahirkan lebih banyak syarikat peneraju generasi baharu yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ketrampilan Ekuinas sebagai syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan dalam mengendalikan pengurusan dana ekuiti persendirian juga terbukti melalui pertambahan penglibatan dan penguasaan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan.

Selain meneroka peluang pelaburan sedia ada seperti sektor makanan dan minuman, perkhidmatan dan pendidikan, Ekuinas turut terlibat di dalam sektor minyak dan gas yang menawarkan potensi pelaburan bernilai tinggi.

Penubuhan Icon Offshore Berhad (Icon Offshore) melalui penggabungan dua syarikat iaitu Tanjung Kapal Services Sdn. Bhd. dan OMNI Petromaritime Sdn. Bhd. merupakan antara langkah yang bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam sektor penyedia kapal sokongan luar pesisir (OSV), iaitu sektor komponen penting di dalam industri minyak dan gas.

Pengambilalihan dua syarikat OSV tempatan dengan nilai aset berjumlah kira-kira RM1.2 bilion oleh Ekuinas itu menjadikan Icon Offshore syarikat OSV terbesar di negara ini dan tersenarai di Bursa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amir Hamzah Azizan berkata, penglibatan Ekuinas menerusi penggabungan dan pengambilalihan (M&A) merupakan langkah positif ke arah melahirkan sebuah syarikat yang bukan sahaja menjadi peneraju industri tempatan bahkan berprestasi tinggi di peringkat global.

Bersandarkan kepercayaan itu, Amir Hamzah yakin Icon Offshore mempunyai potensi yang cerah untuk berkembang menjadi pemain utama dalam industri OSV sekali gus mengukuhkan lagi tapak dan rangkaian operasinya pada masa akan datang.

"Penglibatan Ekuinas adalah pemangkin utama pembangunan Icon Offshore. Melalui suntikan kapasiti modal yang lebih kukuh dan penyusunan semula struktur syarikat yang lebih efisien, saya percaya potensi syarikat akan melonjak ke satu tahap yang lebih tinggi.

"Demi mencapai sasaran itu, pelbagai transformasi sedang dan akan dilaksanakan melalui amalan-amalan korporat terbaik yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi syarikat.

"Sasaran kami adalah menjadikan Icon Offshore sebuah syarikat penunjuk aras dalam industri OSV di rantau ini di samping mempelbagaikan sektor perkhidmatan di peringkat antarabangsa," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Untuk rekod, Ekuinas menguasai 42.3 peratus pegangan di dalam Icon Offshore dengan nilai pelaburan berjumlah RM435.9 juta melalui (M&A) pada tahun 2015.

Sementara itu, Amir Hamzah yang mempunyai pengalaman selama 26 tahun di pelbagai firma minyak dan gas berstatus multinasional (MNC) iaitu Shell, Petronas dan MISC Berhad (MISC) dilantik menjawat jawatan itu pada 1 Mac lalu.

Amir Hamzah berkata, keyakinan beliau untuk meneraju dan melonjak prestasi Icon Offshore disokong oleh pasaran minyak yang dilihat semakin positif dan akan kembali normal tidak lama lagi.

"Kitaran menurun pasaran minyak sudah berada di penghujungnya dan saya yakin 'aktiviti' akan berkembang semula sebaik sahaja harga minyak naik penghujung tahun ini. Insya-Allah selepas itu keadaan akan menyebelahi kami," katanya.

Bagaimanapun katanya, pada usia empat tahun penubuhan Icon Offshore, sasaran utama syarikat pada masa ini bukanlah untuk mengejar keuntungan semata-mata tetapi apa yang lebih penting adalah untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Justeru katanya, dalam keadaan ekonomi yang masih tidak menentu, kesempatan yang ada harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengukuhkan asas syarikat supaya apabila pasaran pulih sepenuhnya syarikat mampu melonjak lebih tinggi daripada pesaing yang ada.

"Sekarang adalah masa yang sukar kerana kebanyakan syarikat minyak dan gas utama mengurangkan operasi mereka sekaligus menjejaskan permintaan terhadap perkhidmatan OSV dan seterusnya menyebabkan kadar sewa marin yang lebih rendah di seluruh dunia.

"Situasi ini bukan hanya dihadapi oleh Icon Offshore tetapi melibatkan semua syarikat dalam industri," katanya.

Sehubungan itu ujarnya, tanggungjawab dan tugas yang dipikul sekarang adalah untuk memastikan Icon Offshore berjaya melepasi tem-

poh mencabar sebelum memulakan langkah seterusnya untuk menguasai pasaran global.

Usaha itu katanya mampu dicapai kerana penubuhan Icon Offshore melalui penyatuan dua buah syarikat yang berprofil tinggi dan berpengalaman dalam industri berkenaan berupaya membentuk landasan yang kukuh untuk berkembang.

"Setakat ini kita sudah berjaya bertapak di Brunei melalui operasi dua buah kapal milik Icon Offshore. Pada masa yang sama kita turut mencari peluang lain yang ada" katanya.

Ujar beliau, selain mempunyai kekuatan perkhidmatan dengan angkatan 33 buah kapal pengangkut, Icon Offshore turut disokong barisan tenaga kerja mahir dan berkepakaran tinggi untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Skala kapasiti yang besar sebenarnya sangat penting khususnya untuk mencari lebih banyak peluang dan menyediakan perkhidmatan secara lebih meluas.

"Di sinilah penggabungan yang dilakukan oleh Ekuinas memainkan peranan kerana dalam situasi ekonomi sekarang kelangsungan sesebuah syarikat tidak lagi terjamin dengan 'landasan' yang kecil," ujarnya.

Menurut Amir Hamzah, kelebihan memiliki angkatan kapal pengangkut yang besar juga memberi peluang kepada Icon Offshore mengintai potensi yang lebih luas di rantau ini dalam sektor-sektor perkapalan yang lain pada masa akan datang.

Lebih membanggakan juga katanya, 92 peratus daripada kakitangan yang bertugas di darat dan 80 peratus kakitangan di atas kapal syarikat itu terdiri daripada tenaga kerja Bumiputera.

"Oleh kerana itu saya melihat masa depan syarikat ini penting untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir Bumiputera dalam sektor ini bertepatan dengan agenda Ekuinas untuk menambah penguasaan Bumiputera dalam industri, yang berdaya tinggi ini" katanya.



Sasaran kami adalah untuk menjadikan Icon Offshore sebuah syarikat penunjuk aras dalam industri OSV di rantau ini di samping mempelbagaikan lagi sektor perkhidmatan di peringkat antarabangsa.

AMIR HAMZAH AZIZAN
Ketua Pegawai Eksekutif Icon Offshore Berhad

Komited pikul tugas baharu

SEBAGAI Ketua Pegawai Eksekutif Icon Offshore, Amir Hamzah Azizan menganggap kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk menerajui syarikat itu sebagai satu perjalanan karier yang unik dan tidak akan disia-siakan.

Berbekalkan pengalaman selama 26 tahun di pelbagai firma minyak dan gas berstatus multinasional, beliau yang dilantik menerajui Icon Offshore pada 1 Mac lalu yakin dapat mendokong agenda Ekuinas dalam menambah penguasaan Bumiputera dalam sektor industri berpotensi tinggi itu.

Katanya, meskipun jawatan itu diterima dalam keadaan ekonomi yang mencabar, beliau menetapkan sasaran yang tinggi dan memandangkan positif penglibatan serta hala tuju Ekuinas untuk menjadikan Icon Offshore sebagai peneraju dalam industri OSV di rantau ini.

"Saya menganggap peralihan kerjaya daripada syarikat berstatus multinasional kepada syarikat tempatan ini sebagai cabaran baharu untuk dipikul.

"Namun ia bukanlah sesuatu yang 'kekak' kerana latar belakang kerjaya saya sejak lebih dua dekad lalu juga tidak jauh berbeza," ujarnya.

Amir Hamzah memulakan karier dengan Kumpulan Syarikat Shell selama 10 tahun dan pernah menjawat jawatan Ketua Perkhidmatan Kewangan dan Pengurus Perancangan

dan Sokongan Sarawak Shell Berhad; Eksekutif Kewangan Korporat di Shell Malaysia Limited; Akauntan Kredit Pemasaran Shell Singapura Pte. Ltd; Auditor Dalam Shell Eastern Petroleum Pte. Ltd. dan Penasihat Kanan Perbendaharaan Shell International Ltd., di London.

Selepas perkhidmatan dengan Shell, Amir meneruskan kecemerlangan kerjayanya apabila dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Petronas Dagangan Berhad (PDB) iaitu bahagian tonggak dalam peruncitan dan pemasaran produk hulu Petronas.

Antara pencapaian terbaik beliau ketika menguruskan PDB antara tahun 2011 hingga 2013 adalah mengembangkan permodalan syarikat itu daripada RM16.4 bilion kepada RM31.2 bilion.

Semasa memegang jawatan Pengurus Besar Perancangan Korporat MISC, Amir memainkan peranan penting dalam pemerolehan American Eagle Tanker Ltd. yang dijenamakan semula sebagai AET Tanker Holdings Sdn. Bhd., sekali gus mengembangkan syarikat itu dengan pesat.

Amir dilantik sebagai CEO AET Tanker selepas pemerolehan syarikat tersebut oleh MISC, selama enam tahun bermula dari tahun 2004 sekali gus menyelia pasca integrasi syarikat berkenaan ke dalam anak syarikat Petronas itu dengan cemerlang.

Pada tahun 2010, pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kewangan dan Ekonomi dari Universiti Syracuse, Amerika Syarikat itu dilantik sebagai CEO MISC.

Pencapaian terbaik beliau di MISC termasuk kejayaan mengembalikan keuntungan dalam perniagaan pengangkutan kontena sebanyak RM150 juta daripada kerugian tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM270 juta.

